

PENGUMUMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH
KERJA CABUTAN UNDI UNTUK PROJEK-PROJEK KECIL PDTSPT
BIL 1/2017

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak **Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT)** akan menjalankan sesi cabutan undi untuk projek berikut seperti di lampiran.

2. Sehubungan dengan itu, semua Kontraktor Kelas F yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Tengah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dibawah pengkhususan **B04** serta Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dibawah gred **G1 (Bumiputera/Kelas F)** yang berminat adalah dijemput (tertakluk kepada syarat-syarat di bawah) untuk menghadiri sesi pengundian yang akan dijalankan pada ketetapan seperti berikut:

| | |
|-------------------|--|
| Tarikh | : 15/5/17 (Isnin) |
| Pendaftaran | : 9.00 pagi – 10.00 Pagi |
| Waktu Mula Undian | : 10.00 pagi |
| Tempat | : Dewan Serbaguna Pejabat Daerah Dan Tanah SPT |

3. Hanya kontraktor yang berdaftar pada hari tersebut **dan berdaftar dengan Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** sahaja layak untuk menyertai undian bagi perolehan kerja yang disebutkan diatas.

4. Kontraktor yang berminat untuk menyertai kerja undi diwajibkan membawa bersama-sama **Sijil Asal PKK, CIDB dan Salinan Resit Pendaftaran ePerolehan** yang masih sah pada hari pendaftaran tersebut.

5. **Wakil tidak dibenarkan mengundi.**

6. **Kontraktor yang masih mempunyai projek yang belum selesai dengan PDTSPT tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi.**

7. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan dan sebarang syarat di perkara 2 hingga 6 akan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

8. Kontraktor yang berjaya perlu menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan kontraktor untuk mematuhi tempoh siap kerja dan spesifikasi projek boleh menyebabkan tindakan diambil terhadap tuan/puan oleh Pentadbiran ini.

9. Sebarang pertanyaan berhubung sesi pendaftaran ini boleh diajukan kepada Penolong Jurutera Bahagian Pembangunan (04-5488863)

(ZULKIFLI BIN LONG)
Pegawai Daerah,
Seberang Perai Tengah.
Bukit Mertajam



Senarai Kerja:

1. Baikpulih rumah En. Omar Bin Othman, 2856, Mk.16, Bukit Teh, 14020 Bukit Mertajam.
2. Baikpulih rumah En. Saad Bin Ahmad, 735, Mk 16, Tasek Junjung, 14000 Bukit Mertajam.
3. Baikpulih rumah Pn. Shariffah Sabariah Binti Syed Wazid Ali, TBP 1620, Mk 9, Tanah Liat, 14000 Bukit Mertajam.
4. Baikpulih rumah En. Othman Bin Sahat, 1347, Mk 21, Padang Ibu, 14000 Bukit Mertajam.
5. Baikpulih Kuarters No 2063, Jalan Chan Ewe Pin, 14000 Bukit Mertajam.